

# Kolej Kediaman 1 Borneo dan Kediaman Ecopark jayakan Program Kem Kepimpinan dan Jati Diri 2019

UB 28.11.2019 15  
KOTA KINABALU: JAKMAS Kolej Kediaman 1 Borneo dan Kediaman Ecopark baru-baru ini menjayakan Program Kem Kepimpinan dan Jati Diri 2019.

Program ini bertujuan memperkasa badan pelajar di peringkat Kolej Kediaman iaitu JAKMAS khususnya di dalam menjalani kehidupan sebagai pemimpin tertinggi di Kolej Kediaman.

Pelbagai aktiviti yang sarat dengan pengisian dan pengetahuan dirangka bagi memenuhi keperluan objektif program.

Selain itu, ia juga bagi menjadikan badan kepimpinan JAKMAS bersedia membantu pihak pengurusan Kolej Kediaman dari masa ke semasa di samping menjadi perantara di antara pelajar dan pengurusan Kolej Kediaman pada masa hadapan.

Terdapat beberapa siri slot ceramah disediakan kepada JAKMAS kedua-dua Kolej Kediaman berkenaan antaranya termasuklah



**UNTUK DOKUMENTASI: Sesi Bergambar JAKMAS Kolej Kediaman bersama Pengetua Wijaya Kamal Ramlan dan Dr Syahrudin Awg Ahmad selaku penceramah dan perasmii Program Kem Kepimpinan dan Jati Diri 2019.**

Pengurusan Dokumentasi Aktiviti Pelajar yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS Alna Tugon.

Selain itu, pengisian bertajuk Pengurusan Emosi juga disampaikan oleh Suwaiabah Zakaria yang merupakan Ketua Program Psikologi Kanak-Kanak dan Keluarga, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS.

Dr Syahrudin Awg Ahmad yang juga pengerusi Majlis Pengetua Kolej Kediaman

(MAPeK) dan Pensyarah Kanan di Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, UMS turut memberikan pengisian yang bertajuk Kepimpinan dan Cabaran Masa Kini.

Program ini diketuai oleh Siti Zubaidah Patuwan yang bertindak sebagai jurulatih program ini dan turut dibantu oleh felo-felo dari kedua buah Kolej Kediaman.

Di samping itu, pengisian berbentuk Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dan lain-lain lagi juga turut disediakan kepada semua peserta

program.

Menurut pengetua bagi kedua-dua Kolej Kediaman itu Wijaya Kamal Ramlan, Kem Kepimpinan dan Jati Diri 2019 adalah salah satu acara tahunan khususnya kepada badan kepimpinan JAKMAS yang baharu dalam usaha memberi pemahaman, pengetahuan dan kemahiran khususnya di dalam melengkapkan ahli JAKMAS itu sendiri akan kehidupan di dalam sesebuah Kolej Kediaman.

Adalah diharapkan pengisian yang disediakan dapat dijadikan panduan dan seterusnya membantu badan kepimpinan JAKMAS menjalankan tugas mereka dengan mudah di masa hadapan.

Perasmian penutupan program ini disempurnakan oleh Pengerusi MAPeK sesi 2019/2020 Dr Syahrudin Awg Ahmad dan ia turut dihadiri oleh kakitangan Pengurusan dan Pentadbiran HEP Kolej Kediaman 1 Borneo dan Ecopark.